

**26 MAC 2018 (ISNIN)**



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS TAHUN 2018**

**PENGGAL KEENAM**

**MESYUARAT PERTAMA**

---

**SHAH ALAM, 26 MAC 2018 (ISNIN)**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali, S.P.M.S. (Bukit Antarabangsa)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.  
(Sungai Pinang)

Y.B. Dato' Iskandar Bin Abdul Samad, D.P.M.S. (Chempaka)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/l Veraman (Kota Alam Shah)

## **26 MAC 2018 (ISNIN)**

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

## **26 MAC 2018 (ISNIN)**

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias  
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro  
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus  
PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz  
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Datuk Sulaiman Bin Abdul Razak  
P.M.W., S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar  
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

**26 MAC 2018 (ISNIN)**

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah  
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Datuk Halimaton Saadiah Binti Bohan  
D.P.S.M., A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Datuk Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan, D.I.M.P. (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

Y.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim  
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Telok Datok)

**26 MAC 2018 (ISNIN)**

**TIDAK HADIR  
(Dengan maaf)**

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Nor Azmie bin Diron, D.P.M.S.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi bin Nik Sulaiman, D.I.M.P., A.S.A.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

**PEGAWAI BERTUGAS**

Encik Mohd Khairul Ashraff Bin Radzali, P.P.T.  
**Setiausaha Bahagian Dewan**

Puan Teepah a/p Athimoolam  
**Penolong Setiausaha Dewan**

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha Pentadbiran**

Puan Siti Salina Binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

**Bentara**  
Encik Abdul Khalil bin Sabiis

**Pelapor Perbahasan**  
Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid  
Encik Mohamad Izad Shafiq Bin Ahmad Mashudi

## **26 MAC 2018 (ISNIN)**

**(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**SETIAUSAHA DEWAN :** *Bismillahi Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Aturan Urusan Mesyuarat Bagi Mesyuarat Pertama (Pembukaan) Penggal Keenam Dewan Negeri Selangor Yang Ketiga Belas pada 26 Mac 2018 dimulakan dengan Doa.

### **I. DOA**

### **II. PROKLAMASI**

**SETIAUSAHA DEWAN :** Proklamasi Oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Al-Marhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, D.K., D.M.N., D.K. (Terengganu), D.K. (Kelantan), D.K. (Perak), D.K. (Perlis), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Kedah), D.K. (Johor), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J., dengan kurnia Allah, Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Selangor Darul Ehsan serta segala daerah takluknya.

BAHAWASANYA Fasal (1) Perkara LXX Bahagian Kedua, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959, memperuntukkan bahawa DULI YANG MAHA MULIA SULTAN hendaklah dari semasa ke semasa melalui Proklamasi yang disiarkan dalam *Warta* memanggil Dewan Negeri :

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, BETA, SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI AL-MARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ, D.K., D.M.N., D.K. (Terengganu), D.K. (Kelantan), D.K. (Perak), D.K. (Perlis), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Kedah), D.K. (Johor), S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.J., dengan kurnia Allah, Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Selangor Darul Ehsan serta segala daerah takluknya, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada BETA di bawah Perkara LXX Bahagian Kedua, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959, dengan ini memanggil Dewan Negeri untuk bermesyuarat dan menetapkan 26 Mac hingga 30 Mac 2018 dan pukul 10.00 pagi kecuali hari Jumaat pukul 9.30 pagi, sebagai tarikh dan waktu bagi Mesyuarat Pertama (Pembukaan) Penggal Keenam Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Yang Ketiga Belas yang akan diadakan di Dewan Negeri Selangor, Shah Alam.

DIPERBUAT di Istana Alam Shah, Klang pada 13 hari bulan Februari 2018.

[ DUN. Sel. 30287/12 Jld 13 ]

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

## **26 MAC 2018 (ISNIN)**

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Dif-dif Kehormat dan para jemputan, dengan ini dimaklumkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor berkenan untuk menyampaikan Titah Ucapan. Oleh itu saya menempohkan Dewan buat seketika.

### **( DEWAN DITANGGUHKAN SEKETIKA )**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Keberangkatan masuk Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dan Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor diiringi Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor serta Y.B. Tuan Speaker.

Dengan hormatnya dijemput Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor untuk mempersembahkan Titah Ucapan Diraja kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

**TUAN SPEAKER** : Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

### **( TITAH UCAPAN DULI YANG MULIA SULTAN SELANGOR )**

*Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan Salam Sejahtera  
*Bismillahir Rahmanir Rahim*

Beta bersyukur ke hadrat Allah *Subhanahu Wata'ala* kerana dengan izinNya, Beta dapat menyempurnakan Pembukaan Persidangan Penggal Keenam (6) Dewan Negeri Selangor Yang Ketiga Belas (13) Tahun 2018.

Beta suacita kerana penggal Dewan Negeri Selangor Yang Ketiga Belas (13) telah sampai ke penghujungnya dengan tertib dan teratur. Dewan yang mulia ini telah menggubal undang-undang, peraturan dan dasar-dasar yang berjaya melonjakkan Selangor sebagai negeri yang maju dan makmur. Rakyat Beta juga hidup dalam suasana yang aman dan harmoni.

Beta telah berkenan melancarkan penerbitan buku Coffee Table 'Dewan Negeri Selangor' pada 5 Februari 2018 yang merakamkan sejarah perjalanan Persidangan Dewan Negeri semenjak 1959. Penerbitan ini amat penting sebagai bahan rujukan yang mencatat detik-detik signifikan dan pembaharuan semenjak tahun 2008. Penerbitan ini menjadi bukti kejayaan dalam mengukuhkan prinsip-prinsip *accountability* dan ketelusan yang menjadi asas dalam Peraturan-Peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor.

## **26 MAC 2018 (ISNIN)**

Beta berkenan dengan langkah-langkah pembaharuan yang telah dilaksanakan seperti menjamin sistem *check and balance* dan memartabatkan peranan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Kerajaan.

Beta berkenan ekonomi Negeri Selangor terus mampan sebagai penyumbang terbesar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia. Pertumbuhan ekonomi Negeri Selangor telah menyumbang sebanyak Dua Puluh Dua Perpuluhan Tujuh Peratus (22.7%) kepada ekonomi Malaysia pada tahun 2016 iaitu peningkatan daripada tahun sebelumnya.

Negeri Selangor turut mendahului dalam aspek tata kelola pentadbiran yang menjana keyakinan rakyat dan masyarakat global. Dalam dunia global yang berhadapan dengan cabaran sengit, prinsip *accountability* dan *good governance* merupakan asas penting untuk mengekalkan Selangor sebagai destinasi utama pelaburan.

Bagi tempoh tahun 2017, Negeri Selangor berjaya menarik pelaburan modal berjumlah Ringgit Malaysia Lima Perpuluhan Lima Sembilan Bilion (RM 5.59 bilion) dengan Dua Ratus Dua (202) projek perkilangan. Kejayaan ini telah mencipta nilai dalam ekonomi termasuk menghasilkan pekerjaan berteknologi dan berkemahiran untuk rakyat Beta. Memanda Dato' Menteri Besar yang inovatif dan kreatif telah membangunkan Selangor sebagai negeri pintar atau *smart state* dan bersedia untuk menghadapi Revolusi Industri 4.0 (*Four point zero*). Usaha ini pastinya dapat menyediakan perkhidmatan pintar melalui *Internet of Things*, *Big Data* dan *Artificial Intelligence*.

Perlu diketahui bahawa kemajuan tidak hanya diukur melalui pertumbuhan ekonomi semata-mata tetapi juga dunia hari ini, menekankan indeks kebahagiaan dalam sesebuah masyarakat sebagai kayu ukur kejayaan.

Antara petanda kebahagiaan adalah alam sekitar yang hijau dan sihat, kebajikan rakyat yang terjamin, tahap kesihatan yang berkualiti dan indeks rasuah yang rendah.

Beta berkenan dengan usaha Kerajaan Negeri yang bukan sahaja memberikan perhatian penting terhadap pertumbuhan ekonomi tetapi juga terus memelihara alam sekitar, melaksanakan program Inisiatif Peduli Rakyat merangkumi sektor kesihatan, pendidikan, perumahan dan keusahawanan.

Kerajaan Beta juga berpegang teguh kepada prinsip ketelusan dan integriti dalam pentadbiran.

Skim Rawatan Jantung Selangor melalui kerjasama pintar dan strategik dengan Institut Jantung Negara (IJN) berjaya membantu rakyat Beta khususnya di kalangan rakyat

## **26 MAC 2018 (ISNIN)**

berpendapatan rendah untuk mendapatkan perkhidmatan dan rawatan jantung yang berkualiti.

Program Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) yang memberi pengiktirafan terhadap peranan dan pengorbanan ibu sebagai tonggak pembangunan institusi keluarga dan masyarakat telah dilaksanakan dan dapat menjamin anak-anak khususnya dari keluarga berpendapatan rendah untuk mendapat makanan yang berzat dengan gizi (*nutrition*) yang seimbang.

Beta turut berkenan dengan kejayaan Kerajaan Negeri membangunkan hampir Dua Puluh Lima Ribu (25,000) perumahan mampu milik atau Rumah Selangorku untuk rakyat jelata. Beta juga amat sukacita apabila sebanyak Tujuh Puluh Peratus (70%) daripada Rumah Selangorku yang dibina di Negeri Beta adalah di bawah kategori harga kurang daripada Ringgit Malaysia Dua Ratus Ribu (RM 200,000). Demikianlah seharusnya dasar perumahan rakyat dilaksanakan.

Beta senantiasa mengambil berat tentang alam sekitar dan kelestarian hutan simpanan kekal. Beta mahu Negeri Selangor menjadi perintis kepada sebuah negeri hijau yang mengekalkan hutan simpan dan memelihara flora dan fauna.

Beta amat khuatir akan senario *global deforestation*. Sehubungan dengan itu, Beta berkenan dengan usaha Kerajaan Negeri untuk menjayakan Program Tanam Pokok yang mampu menangani cabaran perubahan iklim, pemanasan global dan pelepasan karbon.

Beta juga berkenan di atas usaha Kerajaan Negeri untuk membentangkan Rang Undang-Undang dalam persidangan ini yang bertujuan untuk meminda Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985.

Bagi Negeri Selangor, Akta Perhutanan Negara telah diterima pakai melalui Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985 yang telah berkuat kuasa pada 2 Jun 1986. Beta difahamkan pindaan yang dibuat kepada Enakmen ini adalah selaras dengan pindaan kepada Akta 313 yang akan dibentangkan di Parlimen kelak.

Pindaan Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985 akan mengenakan hukuman yang lebih berat kepada penceroboh hutan di dalam Negeri Selangor.

Beta amat berkenan dengan tindakan serius oleh Kerajaan Negeri demi memelihara hutan di Negeri Selangor dan mencegah sebarang bentuk aktiviti dan pencerobohan yang boleh mencemar alam sekitar di masa akan datang. Usaha ini juga akan dapat menjamin generasi akan datang untuk mewarisi lingkungan yang sihat dan

## **26 MAC 2018 (ISNIN)**

mengekalkan Hutan Simpanan Kekal (HSK) sebagai aset dan khazanah yang amat bernilai.

Tatkala Beta bertitah di Pembukaan Persidangan Penggal Kelima tahun lalu, Beta telah menitahkan supaya semua pihak mengambil sikap yang bertanggungjawab dan tidak mempolitikkan isu air di Negeri Selangor. Beta berharap isu air yang melibatkan kepentingan rakyat ini dapat diatasi dengan segera.

Beta juga berkenan dengan hasrat Kerajaan Negeri dan Air Selangor untuk menjamin kelestarian bekalan air dan memberi jaminan bahawa industri perkhidmatan bekalan air di Negeri Selangor akan dilaksanakan secara holistik, efisyen dan *affordable* untuk rakyat Beta.

Antara langkah yang telah dilaksanakan adalah pembinaan Loji Rawatan Air Semenyih 2 yang menelan belanja sebanyak Ringgit Malaysia Seratus Tujuh Puluh Tujuh Juta (RM 177 juta) dan telah mula beroperasi pada 1 Mac 2018 dengan kapasiti tambahan 100 Juta Liter Sehari. Manakala, Projek Pembangunan Loji Rawatan Air Labohan Dagang dijangka siap pada hujung tahun ini dengan kapasiti 200 Juta Liter Sehari menelan kos sebanyak Ringgit Malaysia Empat Ratus Sembilan Puluh Tujuh Juta (RM 497 juta).

Negeri Beta akan menikmati tambahan bekalan air bersih sebanyak 300 Juta Liter Sehari dalam tahun 2018.

Rizab air terawat yang kini pada tahap Tiga Perpuluhan Sembilan Sembilan Peratus (3.99%) akan ditingkatkan kepada Sebelas Perpuluhan Lapan Dua Peratus (11.82%) pada 1 Januari 2019 selepas beroperasinya Loji Rawatan Air Labohan Dagang. Manakala, simpanan air mentah di empangan-empangan Negeri Selangor merekodkan tahap Seratus Peratus (100%).

Beta berkenan dengan sikap proaktif Kerajaan Beta mengganti paip-paip lama untuk menangani masalah paip pecah dan bocor yang telah menyumbang kepada Kadar Air Tidak Berhasil (NRW). Sehingga hari ini, Kerajaan Beta komited untuk mengganti paip-paip lama sepanjang Empat Ratus Dua Puluh Dua Perpuluhan Lima (422.5) kilometer dengan nilai Ringgit Malaysia Tiga Ratus Tujuh Puluh Tiga Perpuluhan Tujuh Juta (RM 373.7 juta).

Usaha ini telah berjaya mengurangkan Kadar Air Tidak Berhasil (NRW) daripada Tiga Puluh Dua Perpuluhan Enam (32.6) peratus pada akhir tahun 2015 kepada Tiga Puluh Perpuluhan Satu (30.1) peratus pada akhir tahun 2017. Langkah ini telah berjaya menjimatkan Ringgit Malaysia Lima Puluh Tiga Perpuluhan Lapan Juta (RM 53.8 juta) setahun.

## **26 MAC 2018 (ISNIN)**

Beta berharap agar Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dapat bekerjasama untuk memuktamadkan proses pengambilalihan syarikat konsesi air atas semangat federalisme demi menjamin kepentingan negeri dan rakyat Beta.

Sebelum ini Beta pernah bertitah bahawa politik bukanlah semata-mata untuk memburu kuasa tetapi adalah untuk mencapai urus tadbir yang cemerlang bagi membangun negeri. Kuasa adalah satu amanah, untuk memenuhi aspirasi rakyat.

Sejak kebelakangan ini, Beta berasa amat dukacita apabila membaca sendiri berita-berita palsu atau *fake news* dari internet khususnya media sosial yang ternyata bercanggah dengan fakta sebenar. Apa yang membimbangkan Beta, ramai pula yang percaya kepada berita-berita palsu ini lantas menyebarkannya tanpa memeriksa kesahihan sesuatu berita itu.

Beta juga berasa amat kesal apabila melihat penyebaran berita-berita palsu ini telah turut mendorong gejala fitnah semakin berleluasa. Jika keadaan ini berterusan dalam masyarakat, Beta bimbang rakyat akan terdedah kepada perpecahan sehingga boleh menghancurkan negeri dan negara.

Justeru, Beta ingin mengingatkan kepada sekalian rakyat jelata, terutama rakyat Negeri Selangor yang berbilang bangsa, agama dan keturunan supaya mengekalkan dan mengukuhkan lagi perpaduan yang kita nikmati sekarang ini.

Sekiranya sebuah negara itu ingin terus maju dan makmur, rakyatnya perlulah bersatu padu dan bertolak ansur antara satu dengan lain serta tidak menimbulkan ketegangan yang boleh menyebabkan huru hara. Semangat keharmonian perlulah sentiasa disemarakkan dan saling hormat-menghormati di antara satu dengan lain, tidak kira sesama umat Islam atau bukan Islam.

Rakyat Beta adalah seumpama sebuah keluarga yang besar. Oleh itu mereka perlu saling bermuafakat, bekerja dan berganding bahu untuk memajukan negeri. Muafakat ini adalah amat penting agar kemakmuran dan kesejahteraan yang kita kecapi ketika ini dapat berterusan.

Maka, dengan lafadz *Bismillahir Rahmanir Rahim*, Beta dengan sukacitanya merasmikan Pembukaan Persidangan Penggal Keenam Dewan Negeri Selangor Yang Ketiga Belas Tahun 2018.

Selamat bersidang.

Sekian, *Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

## **26 MAC 2018 (ISNIN)**

**TUAN SPEAKER :** Demikian tadi Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Patik bagi pihak Ahli-ahli Dewan Negeri Selangor sekalian menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Dengan ini saya menangguhkan Dewan sehingga hari Selasa, 27 Mac 2018, jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Dengan hormatnya dijemput Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor diiringi Al-Fadhil Imam Paduka Tuan dan Sahibul Fadhilah Imam Besar Masjid Negeri Selangor untuk membacakan Doa Selamat setelah sempurnanya Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor merasmikan Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Keenam Dewan Negeri Selangor Yang Ketiga Belas.

**( DATO' SERI UTAMA DIRAJA MUFTI SELANGOR MEMBACA DOA )**

**SETIAUSAHA DEWAN :** Keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dan Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor, diiringi Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor meninggalkan Dewan Mesyuarat.

**( D.Y.M.M. Sultan Selangor, D.Y.M.M. Tengku Permaisuri Selangor, dan D.Y.T.M Raja Muda Selangor berangkat dari Dewan Mesyuarat ke Bilik Jamuan VVIP Bangunan Annex )**

**SETIAUSAHA DEWAN :** Dengan segala hormatnya dijemput semua hadirin ke jamuan ringan yang disediakan di Dewan Jamuan, Bangunan Annex. Sekian, terima kasih.

**( Dewan ditangguhkan pada jam 10.35 pagi )**